

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[ PASIR GUDANG ]**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [ PASIR GUDANG ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapakah seramai 2,070 Pegawai Perubatan, Pergigian dan Farmasi tidak dilantik secara tetap seperti yang dituntut oleh CUEPACS sebaliknya hanya disambung secara kontrak selama 6 bulan sahaja.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan seperti mana ketetapan Akta Perubatan 1971, Akta Pergigian 1971 dan Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 hanya mempunyai obligasi untuk menyediakan penempatan bagi latihan siswazah dan/ atau khidmat wajib.
2. Lantikan secara kontrak dibuat bagi membolehkan graduan diberi penempatan untuk tujuan pendedahan pengalaman dalam bidang masing-masing menerusi latihan siswazah dan/ atau khidmat wajib tanpa tertakluk kepada perjawatan tetap.
3. Namun begitu, tertakluk kepada faktor kekosongan jawatan, pertimbangan pelantikan tetap dibuat secara berasingan dari masa ke semasa, mengambil kira pegawai memenuhi syarat pelantikan dan merit yang ditetapkan serta diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian untuk dilantik tetap.

## SOALAN NO : 158

4. Kerajaan bersetuju meluluskan penyambungan kontrak secara *one-off* enam (6) bulan lagi bagi sejumlah 2,070 Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi. Pelantikan tersebut adalah secara *Contract of Service* tanpa mengisi jawatan. Ini melibatkan 79 Pegawai Perubatan (yang telah melengkapkan khidmat wajib sahaja kerana telah mengikuti latihan siswazah di luar negara), seramai 852 Pegawai Pergigian dan 1,139 Pegawai Farmasi yang telah menamatkan latihan/ khidmat wajib.

5. Kelulusan ini adalah sebagai tambahan kepada kontrak enam (6) bulan sedia ada yang diberikan sebelum ini bagi menyokong usaha Kementerian Kesihatan memastikan kesinambungan perkhidmatan serta membantu membendung penularan wabak COVID-19. Penyambungan kontrak secara *one-off* ini mencerminkan keprihatinan Kerajaan bagi membolehkan pegawai meneruskan penyampaian perkhidmatan di fasiliti KKM serta masih mempunyai pekerjaan dalam situasi ekonomi yang mencabar pada masa ini.

Sekian, terima kasih.